

11/10/1998

Rakyat setia tidak keji negara: PM

PETALING JAYA: Rakyat Malaysia yang mempunyai semangat cintakan negara tidak akan mengutuk negara sendiri di negara lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menyifatkan tindakan itu seperti 'meludah di langit kemudian jatuh atas muka sendiri', Dr Mahathir juga menganggap mereka yang melakukan perbuatan itu seperti menconteng muka sendiri dengan kekotoran.

"Itulah... orang yang meludah ke langit jatuh atas muka sendiri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Rekacipta, Inovasi, Rekabentuk dan Teknologi Antarabangsa 1998 (ITEX '98) di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas tindakan beberapa bekas anggota Exco Pergerakan Pemuda Umno yang menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pergi ke luar negara untuk mendapat simpati dan pada masa yang sama mengutuk kerajaan.

Ditanya apakah tindakan bekas pemimpin itu boleh dianggap sebagai khianat, Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak tahu mengenai khianat tetapi saya berpendapat mereka yang sayangkan negara tidak akan melakukannya."

Perdana Menteri berkata, golongan itu sepatutnya menyelesaikan masalah, jika ada di negara ini, bukannya pergi ke luar negara serta mengutuk kerajaan.

Ditanya sama ada tindakan boleh dikenakan terhadap golongan terbabit, Dr Mahathir berkata tidak ada tindakan akan diambil kecuali mereka didapati menyalahi undang-undang.

Sementara itu, mengulas mengenai pemilihan Malaysia sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi tempoh 1999/2000, Dr Mahathir berkata beliau gembira Malaysia mendapat undi paling banyak.

Ditanya apakah fungsi yang akan dimainkan oleh negara, Dr Mahathir berkata, Malaysia akan berpegang kepada fakta dalam membuat sebarang komen.

"Kita tidak akan berat sebelah, kita akan berpegang kepada prinsip kita dan kita bebas daripada semua pengaruh. Kita akan membuat komen yang adil," katanya.

(END)